

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PEMBUKAAN KONVENSyen MAJLIS KAKI-
TANGAN KERAJAAN KUMPULAN IMG, DI
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA
LUMPUR PADA 1HB MEI, 1973

Tuan Pengerusi, Saudara-saudara sekalian,

Saya sungguh gembira kerana dapat bersama dengan saudara-saudara pada pagi ini dan berpeluang membuka Konvensyen pertama Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam yang diadakan dua tahun sekali dengan tujuan untuk menubuhkan Majlis Pihak Pekerja Kebangsaan.

Pada pendapat saya, Konvensyen ini mempunyai dua erti yang besar. Pertama, ianya diadakan pada hari yang bersejarah bagi pergerakan Kesatuan Sekerja di negara ini, iaitu pada Hari Buruh yang diisytiharkan buat pertama kali oleh Kerajaan sebagai hari kebebasan am di Malaysia.

Keduanya, Konvensyen ini merupakan permulaan zaman baru di bidang industrial relations dalam sektor awam kerana objektifnya ialah hendak menubuhkan sebuah jentera perundingan bentuk baru bagi seluruh Perkhidmatan Awam, dan juga buat pertama kalinya menghimpunkan wakil-wakil dari hampir semua kesatuan di seluruh Malaysia.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang kita maklum, Majlis Whitley Kebangsaan terpaksa digantung dalam tahun 1969 disebabkan oleh keadaan pada masa itu dan berterusan hingga hari ini. Tetapi saya gembira bahawa masa peralihan itu telah tidak disia-siakan kerana dalam tempoh itu Kerajaan telah mengambil kesempatan meneliti struktur seluruh jentera perundingan, fungsi-fungsinya, dan kesannya sebagai sebuah jentera perundingan dengan tujuan untuk memperbaiki dan menguatkan lagi supaya membolehkannya mencapai segala objektifnya dengan cara yang lebih berkesan lagi. Ini telah dilakukan oleh Kerajaan setelah berunding dengan bekas Pihak-pihak Pekerja dalam Majlis-majlis Whitely Kebangsaan. Kerajaan

berharap dengan tertubuhnya jentera perundingan bentuk baru ini akan dapat ditubuhkan satu Majlis Bersama Kebangsaan yang betul-betul mewakili semua pekerja dalam Perkhidmatan Awam.

Pihak Pegawai dalam Majlis Bersama Kebangsaan akan terdiri dari wakil-wakil Kerajaan Pusat dan Negeri sementara Pihak Pekerja akan terdiri dari ahli-ahli yang dilantik oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Pekerja yang mewakili semua peringkat dan pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam. Ini adalah satu perubahan besar dari bentuk lama di mana Pihak Pekerja terdiri dari ahli-ahli yang dilantik oleh gulungan/kesatuan tertentu yang ditetapkan dan ini menyebabkan Kesatuan-kesatuan Sekerja di luar gulungan ini tidak diwakili terus dalam kumpulan Pihak Pekerja dan oleh itu tidak mendapat hak untuk berunding dengan Kerajaan.

Tambahan pula, pada masa lampau semua perundingan adalah berpusat kepada tuntutan-tuntutan individu yang dikendalikan dengan secara ad-hoc saja. Saya yakin dengan tertubuhnya jentera perundingan yang baru ini, keadaan yang tidak memuaskan itu tidak akan timbul lagi.

Majlis Bersama Kebangsaan yang baru itu memperuntukkan dua peringkat perundingan. Diperingkat Kebangsaan, cuma dasar-dasar mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan umum dan masalah-masalah yang melibatkan seluruh atau hampir seluruh Perkhidmatan akan dipertimbangkan.

Sementara di peringkat yang lain pula, Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Pekerja yang diakui sebagai mewakili satu-satu kumpulan pekerjaan atau perkhidmatan yang tertentu mengikut Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 diberi hak dan kebebasan berunding terus dengan Majlis Bagi Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan yang akan mewakili Kerajaan mengenai apa-apa tuntutan yang berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan ahli-ahli Kesatuan yang berkenaan itu asalkan tuntutan tersebut tidak mengait atau merombak "relativity" di antara kumpulan pekerjaan dan perkhidmatan itu dengan kumpulan dan perkhidmatan lain.

Dengan cara ini akan terdapatlah proses dialog berterusan yang berasingan dan rasmi di antara Kerajaan dan Pihak Pekerja yang mewakili semua Kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan

Pekerja seluruhnya di satu pihak, dan di satu pihak yang lain pula, di antara Kerajaan dengan Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan secara individu.

Saya percaya ini adalah satu cara yang baru dan radikal dalam soal menyelesaikan masalah perindustrian di negara ini. Saya sangat-sangat mengharapkan supaya semua yang terlibat secara langsung dengan perjalanan jentera perundingan baru ini akan berbuat seberapa yang boleh untuk menjayakannya dan menghasilkan perhubungan majikan/pekerja yang baik demi kepentingan pekerja-pekerja dan juga negara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya sangat gembira kerana walaupun dalam masa empat tahun yang lampau apabila jentera perundingan digantungkan, terdapat perhubungan baik di antara pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam yang merupakan alat penting Kerajaan dalam pentadbiran kakitangan, dengan bekas ahli-ahli Pihak Pekerja dan pegawai-pegawai Kesatuan Sekerja dan Persatuan Kakitangan.

Dengan adanya perhubungan yang mesra ini Kerajaan telah dapat melaksanakan Lapuran Suffian dan Aziz tanpa menghadapi masalah besar. Memandang bahawa Lapuran Suffian, khasnya, telah membawa satu zaman baru yang menggantikan zaman Benham yang lama, perlaksanaan Lapuran tersebut yang berjalan dengan licin itu merupakan satu kejayaan yang amat besar.

Tambahan pula, berikutan dengan perlaksanaan Lapuran ini, banyak masalah mengenai syarat-syarat perkhidmatan gulungan pekerja tertentu yang kebanyakannya timbul dari perlaksanaan Lapuran Suffian telah dapat diselesaikan. Malah, tuntutan-tuntutan yang lain juga telah dapat diselesaikan dengan memuaskan. Cara masalah-masalah ini diselesaikan menunjukkan bahawa terdapat rasa muhibbah yang tidak pernah wujud sebelum ini. Tidak syak lagi ini disebabkan oleh adanya perubahan sikap dan pandangan di semua pihak yang lebih menitikberatkan kepentingan negara. Saya harap perubahan sikap ini akan kekal dan dapat meletakkan asas bagi membolehkan semua rundingan di masa akan datang diadakan dalam suasana persahabatan yang 'informal' dan perasaan muhibbah antara kedua pihak supaya menjamin penyelesaian masalah yang dihadapi itu.

Saudara-saudara sekalian,

Terdahulu daripada ini, saya telah mengatakan keistimewaan hari ini sebagai Hari Buruh yang pertama kali diakui dengan rasmi dan dirayakan di Malaysia. Sementara kita semua bergembira dengan perayaan lhb Mei ini, saya ingin saudara-saudara sekalian, terutama pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, memikirkan betul-betul dan meneliti objektif utama pertubuhan saudara di samping mengkaji semula kejayaan-kejayaan yang telah dicapai selama ini. Lebih-lebih lagi, kita patut memikirkan apakah sumbangan selanjutnya yang dapat diperbuat samada secara organisasi persendirian atau kumpulan, untuk kebajikan ahli-ahli dan terhadap kestabilan sosial dan ekonomi negara seluruhnya.

Oleh yang demikian, hari ini sudah sepatutnya dijadikan "a day of appraisal" untuk meneliti dengan mendalam apa yang telah dibuat dan apa sepatutnya yang akan dibuat dan juga "a day of dedication". Saya yakin hasil dari penelitian diri sendiri ini akan mendatangkan munafaat untuk kita semua.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang sedia dimaklum, tugas kita yang penting sekarang ialah membina bangsa Malaysia yang bersatupadu berasas pada prinsip-prinsip Rukunegara. Adalah mustahak bagi kita setiap masa memberikan perhatian berat kepada usaha-usaha membentuk keperibadian bangsa atau national identity kita sendiri yang mencerminkan keseluruhan dari kehidupan rakyat dan yang membezakan kita dari bangsa-bangsa lain.

Dengan yang demikian, sepatutnya kita memberikan tempat yang lebih istimewa dan mengutamakan kepada pahlawan-pahlawan dan pemimpin-pemimpin kita sendiri dalam memberikan nama kepada bangunan atau Dewan ataupun jalan-jalan supaya dikekalkan nama-nama mereka itu dalam sejarah bangsa. Meskipun benar terdapat tokoh-tokoh yang terkenal di kalangan dunia international, tetapi adalah lebih baik pada peringkat pembangunan identiti kebangsaan kita sekarang ini kita memberikan keutamaan kepada orang-orang kita sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah kerap kali menekankan bahawa Dasar Ekonomi Baru akan menentukan hidup-mati kita sebagai sebuah negara. Berbagai

projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua adalah bertujuan hendak memberikan kepada rakyat kita dari semua bangsa, terutama mereka yang kurang bernasib baik dan tidak berada, kehidupan yang lebih sempurna dan memupuk satu identiti nasional sebagai bangsa moden dan maju menerusi sains dan teknologi.

Tugas utama Perkhidmatan Awam dari segi dayausaha kebangsaan bukan saja untuk merancang dan melaksanakan projek-projek tetapi juga untuk memahami sepenuhnya objektif Dasar Ekonomi Baru. Kita tahu rakyat tidak akan bertindak atau memberikan 'response' yang menggalakkan terhadap satu rancangan atau 'idea' jika sekiranya mereka tidak memahaminya. Mereka tidaklah dapat menyumbangkan tenaga terhadap objektif dan cita-cita kebangsaan itu tanpa semangat dedikasi dan jujur terhadapnya.

Dalam hal inilah saya rasa badan-badan rasmi seperti Kesatuan Sekerja dapat memainkan peranan yang penting dan berkesan dan ini dapat dicapai dengan mengadakan perbincangan-perbincangan, seminar dan bengkel kerja untuk meneliti sikap dan response Perkhidmatan Awam terhadap Dasar Ekonomi Baru serta memberi 'feed back' yang perlu kepada Kerajaan. Di sinilah saudara-saudara selaku pemimpin boleh memainkan peranan penting dalam kemajuan masyarakat dan negara. Saya mensifatkan ini satu cara cabaran kepada pemimpin-pemimpin sekalian, satu cabaran yang memerlukan kejujuran dan dedikasi serta taat setia yang tidak berbelah bagi.

Saudara-saudara sekalian hari ini mempunyai tugas untuk memilih pemimpin-pemimpin yang akan berkhidmat dalam Majlis Kebangsaan Pihak Pekerja dan mereka pula bertanggungjawab untuk memilih Pihak Pekerja di dalam Majlis Bersama Kebangsaan. Ini ialah satu tugas yang memerlukan kebijaksanaan dan pertimbangan yang cukup teliti dan saya harap saudara-saudara akan menyempurnakan tanggungjawab ini selaras dengan kepentingan dan taraf Majlis itu serta tanggungjawabnya. Saya yakin ini sudah tentu dapat dilaksanakan kerana ia bukan sahaja satu tanggungjawab saudara-saudara terhadap diri sendiri, tetapi juga tanggungjawab saudara terhadap ahli-ahli yang saudara wakili di perhimpunan ini.

Saudara-saudara sekalian.

Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Konvensyen Pertama Majlis Kakitangan Kerajaan Kumpulan IMG sambil berharap perhimpunan ini mendapat kejayaan.